

Media item**Full Text****MOSTI lancar SUPER. MYStartup**

Utusan Malaysia, Malaysia by SHAFIQAH SHUKOR
Dlm Negeri - Page 0 - 342 words - ID my0046054425 - Photo: No - Type:
- Size: 418.00cm²

19 Nov 2021

H i MOSTI lancar SUPER. MYStartup Oleh SHAFIQAH SHUKOR shafiqah.shukor@mediamulia.com.niy PETALING JAYA: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melancarkan Pelan Hala Tuju Ekosistem Startup Malaysia (SUPER) 2021-2023 dan platform digital MYStartup untuk membina ekosistem syarikat pemula (startup) yang kondusif. SUPER adalah pelan untuk membangunkan ekosistem pemula negara yang dinamik, sejajar dengan Wawasan 2030, manakala MYStartup pula adalah portal sumber maklumat yang menyediakan perkhidmatan pemudah cara menyeluruh untuk rangkaian ekosistem pemula. Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, SUPER bertindak sebagai matlamat utama bagi semua dasar dan panduan lain negara yang berkaitan dengan pemula. Pelan tersebut katanya, selari dengan dasar Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021- 2030, Dasar Keusahawanan Nasional 2030 dan Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) negara. ADHAM Baba (tengah) dan Rafiza Ghazali menunjukkan Pelan Hala Tuju Ekosistem Startup Malaysia 2021-2030 yang dilancarkan di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/FAIZ ALIF AHMAD ZUBIR "Matlamat SUPER bukan sahaja untuk memanfaatkan ekosistem pemula Malaysia malah meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), mencipta pekerjaan bernilai tinggi dan meningkatkan pelaburan dalam teknologi teras. "MYStartup juga merupakan usaha MOSTI untuk menyatukan pemain ekosistem dan menggalakkan kerjasama strategik. "Melalui platform nasional itu, kolaborasi berimpak tinggi akan dipergiat bersama-sama perkhidmatan pemberian sokongan dan bimbingan berterusan dalam mewujudkan tmmmmmmmtmmmsm UMMIU startup yang boleh berkembang," katanya dalam ucapan pelancaran SUPER dan MYStartup, semalam. Dalam Bajet 2022, kerajaan tefah memperuntukkan sebanyak RM20 juta kepada agensi di bawah MOSTI, Cradle Fund Sdn. Bhd.(Cradle). Cradle diberi mandat mmm •BHHMHMMi sebagai pengurus ekosistem pembangunan syarikat pemula daripada fasa permulaan sehingga pertumbuhan, untuk meningkatkan daya saing di peringkat antarabangsa. Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Cradle, Rafiza Ghazali berkata, pelancaran SUPER dan MYStartup bakal membuka lebih banyak pintu, meluaskan rangkaian serta memberikan rangsangan untuk pemuliharaan yang teguh ekonomi negara pasca Covid-19. "Saya menyeru semua usahawan, pelabur, penyelidik, jurulatih atau mentor, pemegang taruh ekosistem pemula dan seluruh rakyat Malaysia untuk bersama-sama melaksanakan SUPER agar Malaysia boleh mencapai matlamat lonjakan ekosistem pemula Malaysia, dan menjana masa depan bersama," katanya. Syarikat pemula, pelabur, pemain industri dan pembina ekosistem digalakkan mendaftar di www.mystartup.gov.my bagi mendapatkan akses kepada cerapan dan sumber mengenai ekosistem startup di Malaysia. BBBBBAfei • • • M B R

Licensed by Copyright Agency. You may only copy or communicate this work with a licence.

Media Alerts may be subject to error or omission. Media Alerts are for the use of Isentia clients only and may not be provided to any third party for any purpose whatsoever. Isentia operates across the Asia Pacific region and uses multiple sources to gather audience data for internet, press, radio and television media entities. These audience data providers include AGB Nielsen Media Research, Audit Bureau of Circulations, comScore, CSM Media Research, GfK Radio Ratings, OzTAM, Nielsen, Research International and TNS.